

Client : Chevron

Date: 18 October 2012

Publication: Sinar Harian – Permotoran  
(Pg. 38)

Circulation: 92,000

**Headline Translation**

Caltex: Driving Change

## Caltex: Driving Change

**PERTAMA** kalinya dalam rancangan realiti komuniti, Driving Change bersama Caltex di Malaysia berjaya mengumpul sejumlah RM309,725 untuk Yayasan MyKasih melebihi

daripada sasaran asal.

Pengacara rancangan tersebut, Henry Golding dan selebriti Penangite Andrea Fonseka telah ditugaskan bagi mengumpul

dana untuk MyKasih bagi membantu 50 kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah untuk membeli makanan dan buku sekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Alma di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Berkata tentang penglibatan Caltex, Pengurus Polisi Chevron dan Ehwal Awam, Mokhtar Ali Ismail memberitahu rancangan itu untuk membangkitkan sokongan dan kesedaran dalam masyarakat.

"Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri negara, selebriti, sukarela dan rakyat Malaysia yang bermurah hati membantu anak-anak dalam program MyKasih.

"Rancangan Driving Change bersama Caltex adalah kolaborasi antara Caltex dan stesen tv, Fox untuk menonjolkan usaha sosial merentasi negara di mana pengacara, Golding akan melaksanakan misi di lima negara terpilih bersama artis negara masing-masing," katanya.

Selepas Malaysia, negara seterusnya ialah Hong Kong, Thailand, Filipina dan Singapura.



Golding (kiri, depan) sebagai pengacara akan membantu menamatkan misi bantuan di lima negara.